

# Jabatan Bantuan Guaman jelaskan isu tuntutan nafkah, idah

BAHAGIAN Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri ingin merujuk dan memberi maklum balas kepada tulisan bertajuk *Kecewa Biro Guaman Syariah* oleh **Mangsa Diskriminasi**, Kepala Batas, Pulau Pinang, yang disiarkan melalui ruangan ini pada 1 Mac 2012.

Terlebih dahulu dimaklumkan bahawa Biro Bantuan Guaman kini dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG) bermula pada 16 Januari 2010. Jabatan ini mengucapkan terima kasih kepada pengadu kerana membawa perkara ini untuk perhatian kami.

Berdasarkan rekod kami, didapati bahawa bekas isteri pengadu telah membuka fail kes tuntutan muta'ah, idah dan nafkah anak di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Pu-

lau Pinang pada 16 Jun 2011.

Walau bagaimanapun, sebelum sempat JBG Pulau Pinang memfailkan ketiga-tiga kes bekas isteri pengadu di mahkamah, tuntutan tersebut telah diselesaikan melalui Majlis Suhl di mahkamah.

Suatu perintah berhubung dengan ketiga-tiga tuntutan tersebut telah direkodkan sebagai penghakiman persetujuan pada 22 Ogos 2011.

Merujuk kepada isu konflik kepentingan (*conflict of interest*) yang dibangkitkan oleh pengadu, daripada segi prinsip undang-undang, JBG Pulau Pinang sememangnya tidak boleh mewakili pengadu memandangkan bekas isteri pengadu telah pernah menjadi anak guam JBG dan segala keterangan dan maklumat berkaitan dengan kes tersebut telah berada dalam penge-

tahanan JBG.

Walaupun pengadu menyatakan bahawa kes beliau merupakan suatu tuntutan yang berbeza, pada hakikatnya tuntutan pengadu untuk mengubah perintah nafkah anak berbangkit daripada kes nafkah anak yang telah dipersetujui oleh pengadu sebelum ini.

Dalam kes ini, pegawai JBG berkenaan belum lagi membuat keputusan sama ada pengadu layak dibantu atau tidak memandangkan terdapat beberapa isu seperti konflik kepentingan dan merit kes yang perlu diteliti dan dirujuk kepada pegawai atasannya.

Bagi kes perubahan perintah nafkah anak, alasan yang kukuh perlu dibuktikan oleh pengadu kerana perintah persetujuan baharu sahaja diperoleh pada 22 Ogos 2011.

Sekiranya terbukti wujud konflik kepentingan dan pengadu layak dibantu serta kes beliau mempunyai merit, JBG masih boleh membantunya dengan merujuk kesnya kepada peguam panel jabatan untuk dikendalikan.

Walau bagaimanapun, dalam kes ini difahamkan bahawa pengadu ingin mengubah perintah nafkah anak sebanyak RM350 sebulan yang telah disetujui sebelum ini kepada RM100 sebulan.

Mengenai isu kelewatan pegawai JBG menjawab SMS pengadu, jabatan ini memohon maaf kerana pegawai ini telah bercuti untuk menduduki peperiksaan di UKM dan belum berkesempatan untuk membincang kes pengadu dengan pegawai atasannya untuk keputusan.

Pada dasarnya penubuhan JBG

adalah untuk memberi bantuan guaman kepada mereka yang kurang berkemampuan dengan syarat kes mereka mempunyai merit untuk dibantu dan pada masa yang sama jabatan ini juga perlu memastikan keadilan kepada semua pihak.

BHEUU ingin mengucapkan terima kasih kepada *Utusan Malaysia* kerana telah menyiarkan aduan di atas. Jika terdapat sebarang kemungkinan atau pertanyaan, sila hubungi Jabatan Bantuan Guaman, Putrajaya melalui laman web (<http://www.jbg.gov.my> atau talian: 03-88851809 (aduan)).

**MAHANI MOHD. YUSOFF**

Ketua Komunikasi Korporat  
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang  
Jabatan Perdana Menteri